



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Taiwan adalah sebuah pulau yang pernah dikenali sebagai Formosa terletak di sebelah timur Asia. Negara itu berjiran dengan China di sebelah barat, Jepun di sebelah timur laut dan Filipina di sebelah selatan.

Secara rasminya, Taiwan dikenali sebagai Republik China. Taiwan mempunyai penduduk seramai 23.55 juta orang.

Komuniti Muslim di Taiwan berjumlah 50,000 orang iaitu 0.2 peratus daripada populasi Taiwan.

Walaupun bilangan mereka kecil, kehadiran mereka memainkan peranan penting, tambahan pula

# Eratkan persaudaraan Islamiah

HARIAN METRO 7/9/2017 P. 35

pendatang Muslim bertambah terutama dari Indonesia yang ramai bekerja di sektor pembuatan, pembinaan atau kerja domestik.

Menurut Profesor Lien Ya Tang dalam bukunya, *History of Taiwan* (1918), kehadiran Muslim di Taiwan bermula seawal abad 17 ketika pemerintahan Dinasti Qing dengan kedatangan beberapa keluarga Muslim dari selatan China.

Ketika itu, Islam masih belum berkembang dan tiada masjid dibina. Keturunan mereka asimilasi dengan masyarakat tempatan dan mengadaptasi budaya dan agama setempat.

Kehadiran Muslim semakin ramai ketika perang saudara China pada abad ke-20 antara Parti Kuomintang dan Parti Komunis China.

Ketika itu, seramai 20,000 keluarga Muslim dari pulau besar China datang ke Taiwan selepas tamat perperangan yang diketuai Jeneral Bai Chongxi atau Omar Bai.

Kebanyakan mereka adalah askar dan kakitangan kerajaan berasal dari wilayah yang kuat Islam seperti Yunnan, Ningxia, Anhui dan Gansu.

Mereka mula membina masjid pertama di Taiwan pada 1947 dan siap tahun berikutnya.

Bagaimanapun, masjid itu tidak dapat menampung pertambahan bilangan Muslim dan memaksa masjid baru dibina di tapak dikenali sebagai *Taipei Grand Mosque*.

Ia siap dibina pada 1960 dan reka bentuk masjid itu mengikuti senibina Islam

dan Arab. Arkitek utamanya ialah Yang Cho-Cheng yang juga arkitek untuk projek *Taipei Grand Hotel*, Dewan Peringatan Chiang Kai-Shek dan lain-lain.

Masjid kedua dibina ialah Masjid Kaohsiung iaitu pada 1949. Berikutnya, *Taipei Cultural Mosque* (1950), *Taichuing Mosque* (1951), *Longgang Mosque* (1967), *Tainan Mosque* (1996) dan *Dayaun Mosque* atau Masjid At-Taqwa (2013).

Masjid Tongkang terletak di Pingtung adalah yang terbaru berjaya disiapkan tahun ini. Ia ditadbirkan menyediakan kaunseling bagi masyarakat keluarga Muslim dari Indonesia.

Golongan Muslim di sana memberikan sumbangan besar untuk pembangunan serta memperkuatkan lagi kepelbagaiannya sosial di negara berkenaan. Kedata-

ngan pekerja luar majoriti Muslim itu juga menjadi faktor dan peluang ke arah pembangunan ekonomi Muslim di Taiwan.

Kerajaan Taiwan menujuhkan Pusat Halal Taiwan (THC) pada 21 April 2017. Penubuhan pusat itu adalah langkah kerajaan bagi membantu peniagaan tempatan meluaskan pasaran produk mereka ke masyarakat Muslim antarabangsa.

Menyediakan persekitaran mesra Muslim adalah juga menjadi tanggungjawab THC. THC turut menyediakan kaunseling bagi membantu industri rangkaian restoran tempatan mendapatkan pensijilan halal dan mewujudkan kemudahan ruang solat di pusat perniagaan utama dan di lapangan terbang.

Kini terdapat tiga badan

yang mengeluarkan sijil Halal di Taiwan iaitu *The Taiwan Halal Integrity Development Association* (THIDA), *Taipei Grand Mosque* dan *Chinese Muslim Association*.

Sijil Halal THIDA mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Baru-baru ini, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) mengadakan lawatan persaudaraan ke Taiwan.

Di sana, MACMA berpeluang mengeratkan silaturrahim dengan masyarakat Cina Muslim tempatan selain mengenal pasti bentuk kerjasama untuk pembangunan Cina Muslim di Malaysia.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)**